

SURAT PEMBACA



Tahniah KPDNHEP!

■ Adalah tersangat wajar bagi pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang telah menjalankan pemeriksaan ke atas 2,401 premis di seluruh negara bagi tempoh 23 hingga 31 julai lalu dalam usaha membanteras penjualan gula-gula Ghost Smoke Cool Fruit Powder dalam kalangan pelajar sekolah baru-baru ini.

Menurut laporan akhbar, Pengarah Penguatkuasa KPDNHEP, Datuk Iskandar Halim Sulaiman berkata, pemeriksaan itu yang membabitkan pemborong dan peruncit di mana hasil pemeriksaan sebanyak 12 kertas siasatan telah dibuka dan sebanyak 1,762 paket gula-gula berkenaan telah dirampas untuk tindakan lanjut.

Ita menunjukkan kesungguhan pihak kementerian KPDNHEP yang telah menyedari tentang kebimbangan ibu bapa terhadap penjualan gula-gula tersebut secara berleluasa di premis-premis tertentu kepada kalangan pelajar dengan harga sepeket 50 sen sahaja.

Penjualan gula-gula Ghost Smoke seharusnya dihentikan dan dibendung di premis jualan seluruh negara kerana ia seolah-olah telah mengajar kanak-kanak sekolah merokok dari peringkat tunas lagi.

Oleh itu, ia dilihat sangat tidak wajar untuk perkembangan sahsiah kanak-kanak itu sendiri kerana jika mereka dewasa kelak mereka akan bertambah ketagih atau gian untuk merokok sepanjang masa.

Pihak kementerian pendidikan dan KPDNHEP harus berganding tenaga menangani masalah tersebut sebaik mungkin. - **Oui Bin Sal, Tanah Merah, Kelantan**